

Dr Mahathir, Datuk Mustafa dengar penjelasan Datuk Musa

PERDANA Menteri merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendengar penjelasan dari Timbalannya, Datuk Musa Hitam (kiri sekali) sambil diperhatikan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jabar (tengah) semasa menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di Ibu pejabat parti, di Kuala Lumpur semalam.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah (dua dari kanan) dan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani (kanan sekali) serius meneliti sesuatu.

Mesyuarat itu bersetuju untuk menunda tarikh Perhimpunan Agung Umno dari 29, 30 dan 31 Julai ke 19, 20 dan 21 Ogos ini bagi mengelakkan ia bertembung dengan sidang Parlimen.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Ketua Perhubungan Umno Pahang dan tempatnya digantikan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia